

09 JAN 1999

Mahathir-UMNO

PEMILIHAN MT UMNO LEPAS PILIHAN RAYA UMUM

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang ditangguhkan akan diadakan selepas pilihan raya umum, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, pilihan raya umum yang kali terakhir diadakan pada tahun 1995, perlu diadakan dalam tempoh 16 bulan dari sekarang.

"Ia akan diadakan selepas pilihan raya umum. Election dari sekarang hingga last day of parliament cuma ada 16 bulan sahaja," katanya apabila ditanya sama ada penangguhan pemilihan MT bermakna ia akan diadakan selepas pilihan raya umum yang dijangka tahun depan.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Jabatan Imigresen di sini hari ini, Dr Mahathir berkata pindaan kepada Perlembagaan UMNO yang dibuat baru-baru ini memberi kuasa kepada MT untuk menentukan tarikh pemilihan.

"Kalau perlu, kita boleh tangguh. Umpamanya jika kita ada pilihan raya dan lain-lain, kita tidak akan adakan pemilihan," katanya.

Keputusan menangguhkan pemilihan anggota-anggota MT yang dijadualkan Jun ini dibuat pada mesyuarat MT selama tiga jam di ibu pejabat parti semalam.

Bercakap pada persidangan berita selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata mengikut undang-undang tubuh Umno, pemilihan MT boleh ditangguhkan sehingga 18 bulan dari tarikh mesyuarat agung parti, yang dijadual Jun ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pemilihan di peringkat cawangan yang dijadual pada April ini akan diteruskan. Pemilihan di bahagian telah diadakan tahun lepas.

Ditanya tentang cadangan penubuhan suruhanjaya bebas untuk menyiasat kecederaan yang dialami bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkajinya.

Mengenai saman Anwar terhadap beliau yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi semalam, Dr Mahathir berkata itu adalah hak Anwar untuk berbuat demikian.

"Ia akan melalui proses undang-undang. Beliau berhak mengemukakan saman itu," katanya.

Anwar menyaman Menteri Dalam Negeri, bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor dan Kerajaan Malaysia untuk menuntut ganti rugi kerana mendakwa dicerderakan ketika berada dalam tahanan di Bukit Aman pada 20 Sept lalu.

-- BERNAMA

AR MAI